

MAHATHIR - HUTAN 'R' 'R' 'R'
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MEMANG MUDAH BAGI KALANGAN PENCIANTA ALAM SEMULAJADI MENGECEM LANGKAH-LANGKAH MEMPERGUNAKAN SUMBER-SUMBER PERHUTANAN, TETAPI BAGI MALAYSIA IA HARUS MEMILIH ANTARA PEMBANGUNAN EKONOMI ATAU TERUS TINGGAL MISKIN.

"SEKIRANYA DUNIA MAHUKAN KITA SUPAYA MEMELIHARA HUTAN BELANTARA KITA, DUNIA SEKURANG-KURANGNYA HENDAKLAH MENBELI BARANG BUATAN KITA," KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERUCAP DI PERASMIAN KONGRES PAN PASIFIK PARA PENILAI HARTANAH, JURU NILAI DAN PENASIHAT. THEMA KONGRES ITU IALAH "SUMBER TANAH DAN CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPAI."

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANG MUDAH BAGI PARA PEMELIHARA YANG TINGGAL DI NEGARA-NEGARA DUNIA DI MASA LALU UNTUK MENGECEM EKSPLOITASI PERHUTANAN YANG DIJALANKAN SECARA SISTEMATIK.

TETAPI BUAT MALAYSIA YANG MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI SEKATAN DALAM EKSPORT BARANG BUATAN, TIDAK ADA PILIHAN BAGINYA KECUALI UNTUK MENGEKSPLOIT KEKAYAAN SEMULA JADI SEPERTI KAYU KAYAN. -- LAGI 1218/II

MAHATHIR 2 HUTAN KUALA LUMPUR

APA CARA SEKALIPUN TANAH TERPAKSA DIBERSIHKAN UNTUK MENANAM GETAH, KELAPA SAWIT ATAU MELOMBONG TIMAH YANG DAPAT KITA JUAL," KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA DUNIA TIDAK AKAN MEMBAYAR APA-APA UNTUK MEMELIHARA HUTAN BELANTARA NEGARA INI.

BELIAU BERKATA PILIHAN TERPAKSA DIBUAT MENEBAK HUTAN BELANTARA DAN MEMBANGUN SECARA EKONOMIK ATAU TERUS MISKIN SUPAYA MEREKA YANG KAYA RAYA DAPAT MENIKMATI KEINDAHAN HUTAN MALAYSIA YANG TERSERGAM INDAH DENGAN KAYU KAYANNYA.

TANAH SEBAGAI SATU SUMBER SEMULA JADI BOLEH TERDEDAS KEPADA EKSPLOITASI YANG DIRANCANGKAN TETAPI PERANCANGANNYA TIDAKLAH DAPAT TERLALU IDEALISTIK. FAKTOR-FAKTOR LAIN PERLU DIBERI PERTIMBANGAN.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA DUNIA BEGITU MENGAMBIL BERAT TERHADAP EKSPLOITASI HUTAN-HUTAN TERSEBUT, DUNIALAH MESTI MENANGGUNG KOSNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PERWAKILAN BAHAWA KERAJAAN MENYEDARI KESAN-KESAN PEMBANGUNAN YANG TIDAK TERHAD DAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGELAKKANNYA.

-- LAGI 1233/II